(2004:30)

<i>Istilah</i>		<i>Takrif</i>	
I	Morfologi	P	Ilmu yang mengkaji makna
II	Semantik	Q	Ilmu yang mengkaji bahasa
III	Sintaksis	R	Ilmu yang mengkaji perkataan dan pembentukannya
IV	Fonologi	S	Ilmu yang mengkaji aspek yang berkaitan dengan ayat

	I	II	III	IV
A	R	Q	S	P
B	S	P	R	Q
C	Q	S	P	R
D	R	P	S	Q

2 Yang manakah padanan yang betul antara istilah dengan takrifnya?

**3** Unit terkecil dalam bahasa yang berfungsi gramatis atau yang menjalankan tugas nahu dikenal sebagai

- A** bunyi      **B** fonem      **C** morfem      **D** suku kata

[2005:32]

**4** Yang manakah perkataan yang mengalami proses peleburan fonem?

- A** Mengecil    **B** Mengecat    **C** Mengutus    **D** Mengumpan


[2007:32]

**5** Yang manakah perkataan yang mengandungi suku kata berpola KKKV

- A** Traktor      **B** Strategi      **C** Tragedi      **D** Struktur

[2013:20]

## 2.2 Penggolongan dan Penghasilan Bunyi Bahasa



Penghasilan bunyi vocal ditentukan oleh ciri berikut;

- keadaan bibir
- keadaan bahagian Lidah

➤ ada yang

b  
er  
su  
ar  
a  
d  
a  
n  
ti  
d  
a  
k  
b  
er  
su  
ar  
a

ra tidak  
digetarkan  
(tidak bersuara)



berlaku  
sekatan dan  
geseran apabila  
udara keluar  
dari paru-paru



melibatkan  
rongga tekak  
dan rongga mulut



ada  
konsonan sengau  
dan tidak sengau  
bergantung pada  
keadaan langit  
lembut

## DIFTONG

Konsonan  
mempunya  
i

ciri berikut;



p

i  
t  
a

s  
u  
a  
r  
a

d  
i  
g  
e  
t  
a  
r  
k  
a  
n

(  
b  
e  
r  
s  
u  
a  
r  
a  
)



p

i  
t  
a

s  
u  
a

diftong ialah  
rentetan dua vokal  
yang dihasilkan  
dengan satu  
hembusan nafas



mem

punyai satu  
puncak  
kelantangan

Diftong mempunyai  
ciri berikut;



bertindak  
sebagai satu  
fonem




berlaku  
geluncuran lidah



bergetar pita suara



satu  
kelantangan, iaitu  
hanya pada vocal  
pertamanya.



lelangit lembut dan  
anak tekak dinaikkan



rongga hidung




# VOKAL

14. Terdapat enam vokal asli bahasa Melayu [a, e, I, o, u], iaitu tiga vokal depan, satu vokal tengah dan dua vokal belakang. Terdapat dua vokal pinjaman, iaitu [ɛ , ɔ ].

Kedudukan Lidah Keadaan bibir	Depan	Tengah	Belakang
Sempit	[i]		[u]
Separuh sempit	[e] (e taling) Contoh: leher		[o]
Separuh luas		e ([ə]) e pepet contoh: beras	
Luas	[a]		

2. Kedudukan enam vokal asli adalah seperti rajah di bawah.



Bibir leper/terhampar

Neutral

Bibir bundar

## KONSONAN

15. Bunyi-bunyi konsonan ialah bunyi-bunyi bahasa selain bunyi vokal, sama ada bersuara atau tidak bersuara. Bunyi-bunyi konsonan mempunyai ciri-ciri berikut:

Konsonan bersuara dan tidak bersuara bergantung pada pita suara sama ada ia digetarkan atau tidak.

Arus udara yang keluar dari paru-paru menerima sekatan atau geseran.

Semasa menghasilkannya berlaku sekatan atau geseran dalam rongga tekak atau rongga mulut hasil daripada sentuhan antara alat artikulasi dengan daerah artikulasi.

Ada konsonan sengau dan nada konsonan tidak sengau bergantung pada keadaan langit lembut semasa bunyi itu dihasilkan.

16. Terdapat tujuh jenis konsonan dalam bahasa Melayu, iaitu letupan, letusan, getaran, sisian, geseran, sengauan, dan separuh vokal.

17. Dalam bahasa Melayu ada konsonan asli dan konsonan pinjaman. Peminjaman adalah daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Semua konsonan pinjaman merupakan konsonan geseran.

## KONSONAN ASLI BAHASA ELAYU

TITIK / DAERAH ARTIKULASI					
Cara sebutan	Dua bibir	Gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	glotis
Letupan tak bersuara	[p]	[t]		[k]	[ʔ]
Letupan bersuara	[b]	[d]		[g]	
Letusan tak bersuara			[č]		
Letusan			[ʃ]		

bersuara					
Geseran tak		[s]			[h]
bersuara					
Getaran		[r]			
Sisian		[l]			
Sengauan	[m]	[n]	[ŋ]	[ŋ]	
Separuh vokal	[w]		[y]		

### KONSONAN PINJAMAN DALAM BAHASA MELAYU

TITIK / DAERAH ARTIKULASI						
Jenis konsonan	Bibir-Gigi	Gigi	Gusi	Gusi-Lelangit keras	Lelangit lembut	Glottis
Geseran tak bersuara	[f]	(th) [e]		(sy)[š]/ʃ	(kh)[x]	[q]
Geseran bersuara	[v]	(dz/dh) [ð]	[z]	[ž]	(gh)[ɣ]	[ɦ]

## PROSES PENGUJARAN FONEM KONSONAN

Cara Sebutan	Kata Kunci Proses Pengujaran
Letupan	...udara disekat dan dilepaskan serta-merta...
Letusan	...udara disekat dan dilepaskan perlahan-lahan...
Sengauan	...lelangit lembut diturunkan...udara keluar melalui rongga hidung...
Geseran	...udara dari paru-paru akan bergeser...
Getaran	...udara dari paru-paru ditekan keluar hingga menggetarkan lidah...
Sisian	...udara dikeluarkan dari kiri dan kanan lidah...
Separuh vokal	...kedudukan lidah dan ruang udara di dalam mulut sama kedudukannya seperti ketika menyebut bunyi vocal, tetapi dilakukan separuh jalan sahaja..

## DIFTONG


18. Urutan vokal yang salah satunya terdiri daripada vokal penuh dan yang lainnya geluncuran. Penghasilan urutan vokal ini adalah dalam satu hembusan nafas sahaja dan mempunyai satu puncak kelantangan. Semasa penghasilannya pita suara bergetar.
19. Bunyi diftong dilambangkan dengan dua lambing vocal, iaitu /ai/, /ou/, dan /au/. Vokal pertama menunjukkan keadaan lidah pada masa mula-mula hendak menyebut diftong dan vokal kedua menunjukkan keadaan lidah pada akhir sebutan diftong.
20. Diftong berbeza daripada rangkap vokal kerana diftong terdiri daripada satu suku kata, manakala rangkap vokal membina dua suku kata. Rangkap vokal mempunyai urutan dua vokal penuh.

**Rajah arah pergerakan bunyi diftong**

Depan

Tengah

Belakang



[a]

Bibir leper/terhampar

Neutral

Bibir bundar

## SOALAN ANEKA PILIHAN

21. Yang manakah kata yang bermula dengan bunyi konsonan letupan dua bibir tak bersuara dan berakhir dengan bunyi konsonan sengauan dua bibir?

A Pitam

22. Pohon

23. Badam

D Binatang

(STPM 2011/24)

24. Yang manakah padanan yang betul antara cara penyebutan dengan daerah penyebutan bagi bunyi

konsonan [s]?

(STPM 2011/25)

	Cara penyebutan	Daerah penyebutan
A	Geseran	Gusi
B	Getaran	Gigi-gusi
C	Sيسان	Gusi
D	Letusan	Gusi-lelangit keras

25. Yang manakah kata yang dimulai oleh konsonan letupan dua bibir bersuara dan diakhiri oleh vokal sempit?

A Bantu

B Tauge

26. Kunci

D Delima

(STPM 2010/27)

27. Yang manakah kata yang mengandung vokal rangkap?

I Paut

III Taubat

II Kain

IV Amboi

28. I dan II

29. I dan IV

30. II dan III

**D** III dan IV

(STPM 2010/28)



31. Yang manakah ayat yang mempunyai kata yang mengandungi diftong? I Kemerduan suaranya mengagumkan.

32. Biarkan dia berpaut pada dahan pokok.

III Ikatan persaudaraan mereka erat sekali.

IV Penonton kehairanan menyaksikan pertunjukkan sarkas itu.

A I dan II      C II dan IV

B I dan III      D III dan IV

**2.3.1 Struktur** Konsepsuku **suku kata** kata **asli** Pecahan pada sesuatu perkataan yang terdiri daripada satu vokal atau gabungan vokal dengan konsonan.

**2.3.2 Struktur suku kata pinjaman**

Contoh : Perkataan *api* terdiri daripada dua suku kata, iaitu *a* dan *pi*

Berdasarkan **Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu**, terdapat **11 pola suku kata** dalam bahasa Melayu. Pola-pola berkenaan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Bil.	Pola	Contoh Penggunaannya
1	V	air, ria
2	VK	unsur, lauk
3	KV	budak, kunci
4	KVK	masuk, laksa
5	KKV	kroni, tragik
6	KKVK	span, traktor
7	VKK	eksperimen, institut

8	KVKK	<b>bank, konteks</b>
9	KKVKK	<b>trend, kompleks</b>
10	KKKV	<b>skru, stratifikasi</b>
11	KKKVK	<b>spring, infrastruktur</b>

Daripada 11 pola ini, empat pola yang pertama ialah struktur suku kata asli, manakala tujuh pola yang berikutnya merupakan struktur kata pinjaman (bahasa Inggeris)

ASLI
1. V
2. VK
3. KV
4. KVK

PINJAMAN
1. KKV
2. KKVK
3. VKK
4. KVKK
5. KKVKK
6. KKKV
7. KKKVK

## SOALAN ANEKA PILIHAN

33. Yang manakah struktur suku kata pertamanya berpola VK?

A abu

B alih C

angsa D

aneka

34. Pilih padanan yang tepat antara struktur suku kata asli dan struktur suku kata pinjaman

	Struktur suku kata asli	Struktur suku kata pinjaman
<b>A</b>	V, VK, KV, dan KVK	KKV, KKVK, VKK dan KVKK
<b>B</b>	V, VK, KV, dan KVK	KVK, KKVK, VKK dan KVKK
<b>C</b>	V, VK, KV, dan KKV	KKV, KKVK, VKK dan KVKV
<b>D</b>	V, VK, KV, dan KKV	KKV, KVVK, VKK dan KVKK

35. Yang manakah kata yang mengandung struktur suku kata asli KVK pada suku kata pertama?

A pusat

B pasang C

pisah D

panggang

36. Yang manakah kata yang mengandung struktur suku kata pinjaman?

A aspirasi

B inisiatif

C ekspres

D intensif

37. Yang manakah kata yang mengandung struktur suku kata pola V pada suku kata awal?

A asli

B asap C

antah D

ampun

## 2.4 Sistem Ejaan Bahasa Melayu

### 2.4.1 Pola Keselarasan Vokal

38. **Konsep** => Susunan kesesuaian dua huruf vokal membentuk dua suku kata pada kata dasar

#### 39. Prinsip

mengeja kata dasar dalam bahasa Melayu sahaja dan bukannya kata pinjaman \*


merujuk kepada dua suku kata akhir (Contoh : *sekolah* – yang dirujuk ialah *ko/ dan/lah*)

Perkataan mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua suku kata.

Suku kata akhir mesti tertutup (diakhiri dengan konsonan). Contoh ; *balak*

\*Nota: kata pinjaman dikecualikan daripada Pola Keselarasan vokal (vokal bagi kata pinjaman tidak selaras). Contoh ; Kata yang dipinjam daripada bahasa Indonesia seperti *perabot* (dikecualikan daripada mematuhi pola keselarasan vokal a + u), *aneh* (dikecualikan daripada mematuhi pola keselarasan vokal a + i), *calon* (dikecualikan daripada mematuhi pola keselarasan vokal a + u)

### Rajah Keratan Rentas Lidah (Kedudukan vokal asli dalam bahasa Melayu)



i + (u, i, a)

o + (a, e, o)

e + (u, i, a)

u + (u, i, a)

(e pepet)

Keterangan; Rajah di atas menggambarkan keselarasan dua huruf vokal asli dalam bahasa Melayu yang membentuk dua suku kata akhir pada kata dasar.

Contoh :

<b>Pola Keselarasan Vokal</b>	<b>Contoh</b>
a + (u, i, a)	batuk, balik, malam
i + (u, i, a)	biduk, gilis, kipas
u + (u, i, a)	buruk, tikar, kusam
e (pepet) + (u, i, a)	sejuk, pekik, seram
u + (u, i, a)	buluh, sumpit, bulat
e (taling) + (a, e, o)	elak, geleng, selekoh
o + (a, e, o)	sekolah, boleh, seronok

## 2.4.2 Pengejaan

### (a) Kata pinjaman

Prinsip dalam mengeja kata pinjaman


<b>Prinsip</b>	<b>Contoh Mengeja</b>
Bentuk visual dan ejaan dikekalkan (Perubahan fonem dibuat apabila perlu sahaja)	industri (industry), tuisyen (tuition), psikologi (psychology)
Gugus konsonan bahasa Inggeris dikekalkan (dengan penyesuaian)	dr : drebar      kl : klinik      pr : prakata sp : span      gl : glasier      kr : kritik sk : skema      st : stabil      gr : granit pl : plagiat      skr : skru      str : straw
Ejaan lama berhuruf „e“ tidak menggunakan gugus konsonan	kelas, kelab, pelan, setem

Kata yang telah lazim digunakan dikekalkan ejaannya	kastam, gudang, stesen, moden
Prefiks Inggeris tertentu dikekalkan penulisannya	au (audit), elek (elektron), psi (psikiatri), dia (diari), tele (teleks), dwi (dwisyarat), tri (tribunal)
Fonem [g] yang diujar [j] dalam bahasa Inggeris diterima sebagai fonem asal [g]	psikologi (psychology), teknologi (technology)
Fonem [g] yang diujar [j] dalam bahasa Inggeris dan telah disukai kekal sebagai fonem [j]	ejen (agent), enjin (engine), lebar (ledger)



**(b) Kata Berimbuhan**

Dalam bahasa Melayu, kata berimbuhan atau kata terbitan ditulis dalam bentuk awalan, akhiran, sisipan, atau apitan dalam ejaan rumi.



Kata terbitan

Awalan

kata kerja

terbesar, teringan, senipis

Awalan kata

adjektif



Kata Terbitan Berakhiran

(a) Akhiran kata nama	Pakaian, sasterawan, seniman, olahragawati, nasionalisme, hadirin, hadirat, ustazah.
(b) Akhiran kata kerja	buatkan, turuti

### Kata Terbitan Berapitan

(a) Apitan kata nama	pelaksanaan, pembuatan, pentakrifan, penggunaan, pengesahan, pekarangan, permainan, pelajaran, kelebihan
(b) Apitan kata kerja	memainkan, mendermakan, memvariasikan, menghiraukan, mengepinkan, beralaskan, berjauhan, digunakan, memasuki, menziarahi, mempercayai, mengekori, dimulai, diperdengarkan, diperingati, memperdengarkan, memperingati, kehujanan
(c) Apitan kata adjektif	kecinaan

## Kata Terbitan Bersisipan

(a) Sisipan kata nama	kelengkeng, keruping
(b) Sisipan kata adjektif	gelembung, gerodak, gemilang, sinambung
(c) sisipan kata kerja	jelajah

### (c) Kata Majmuk

Kata majmuk tidak mantap dieja terpisah, manakala kata majmuk mantap dieja bercantum. Bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain. Misalnya, kapal terbang ialah kata majmuk sebab tidak boleh disisipkan unsur lain seperti „yang“. Sebaliknya, ibu bapa bukan kata majmuk kerana boleh diselitkan kata hubung „dan“ pada perkataan ibu bapa.

JENIS/BENTUK KATA MAJMUK	CARA MENGEJA (CONTOH)
(1) rangkaian kata bebas	jalan raya, terima kasih, air hujan, Menteri Besar
(2) Istilah khusus	urus setia, kertas cadangan, kajian tindakan
(3) Kiasan simpulan bahasa	mati katak, kepala batu, ringan tulang
(4) Bentuk yang telah mantap Dieja bercantum sebagai satu perkataan	warganegara, kakitangan, setiausaha
(5) kata majmuk ejaan terpisah.  (Penggandaan pada unsur pertama sahaja)	ketua-ketua menteri, suku-suku kaum, Penolong-penolong Pengarah

<p>(6) kata majmuk bentuk mantap (penggandaan pada keseluruhan unsur)</p>	<p>warganegara-warganegara, pesuruhjaya-pesuruhjaya, setiausaha- setiausaha</p>
<p>(7) kata majmuk ejaan terpisah ( Jika menerima imbuhan awalan atau akhiran sahaja, ejaannya tetap terpisah)</p>	<p>cari gali =&gt; mencari gali  Ibu tiri =&gt; beribu tiri</p>
<p>(8) kata majmuk ejaan terpisah. (Menerima imbuhan apitan, ejaannya menjadi bercantum)</p>	<p>ubah suai =&gt; pengubahsuaian suratkhabar =&gt; persuratkhabaran</p>

(d) **Kata ganda**

JENIS KATA GANDA	CARA MENGEJA (CONTOH)
(1) kata ganda penuh	baldi-baldi, jentolak-jentolak, jurufoto-jurufoto, ilmuwan-ilmuwan
(2) penggandaan separa	lelabi, buah-buahan, sayur-mayur, batu-batan
(3) penggandaan berentak pengulangan vokal	kuih-muih, lauk-pauk, gotong-royong
(4) Penggandaan berentak pengulangan konsonan	batu-batan, dolak-dalik, kucar-kacir
(5) Penggandaan berentak bebas	saudara-mara, ipar-duai, lintang-pukang, ulang-alik
(6) kata ganda semu (Kata ganda yang kata dasarnya tidak mempunyai makna dan tidak dapat berdiri sendiri).	masing-masing, sia-sia, kura-kura, agar-agar



Klitik

40. Juga dikenali sebagai kata ganti diri singkat, berasal daripada kata ganti diri penuh.

41. Empat kata klitik dalam bahasa Melayu iaitu „ku“(aku), „kau“(engkau), „mu“(kamu) dan „nya“(dia atau ia).

	CARA MENGEJA (CONTOH)
Kata klitik ditulis bercantum dan boleh hadir dihadapan kata atau di belakang kata	kauambil, kaujauhi, membantuku, kukenang, budimu, tanggungjawabnya

Kata yang bersifat <b>zat ketuhanan</b> , mestilah diletakkan tanda sempang, dan digunakan huruf besar	rahmat-Nya, hamba-Mu
--	----------------------

#### 42. Frasa Sendi Nama dengan kata sendi “di” dan “ke”

Bil	Kata sendi “di”	Kata sendi “ke”
1.	Digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat	Digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan waktu atau masa, tempat atau arah
2.	Ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.	Ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.
3.	Contoh : di tengah, di Kuala Lumpur, di rumah	Contoh : dari semasa ke semasa, hingga ke minit terakhir, ke Kuala Lumpur, ke kiri dan ke kanan, ke kampung

Bil	Kata sendi “di”	Kata sendi “ke”
4.	Tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu, masa atau zaman. Contoh kesalahan ; di pagi (X), di ketika (X), di kurun (X)	Tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk manusia atau binatang. Contoh kesalahan ; ke pihak jabatan (X), ke Hamid (X), ke kambing (X)

### Perbezaan Fungsi Kata Sendi Nama “di” dan “ke”

#### 43. “di” dan “ke” sebagai kata sendi nama

- Ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.
- Contoh ; di Kuala Lumpur, ke Kuala Lumpur, di tengah, ke tengah, di kiri, ke kiri

#### 44. “di” dan “ke” sebagai imbuhan awalan

- 
- Ditulis bercantum dan hadir di hadapan kata dasar.

Contoh ; diambil, dimakan, ketua, keluar





## SOALAN ANEKA PILIHAN

45. Antara yang berikut, yang manakah ayat yang menggugalkan kata kerja berimbuhan yang betul? I Kunjungilah pusat pameran dan jualan kami.

Kita mesti galakkan anak-anak supaya tidur awal.

III Kami sudah berbincang tentang hal itu dengan guru kelas.

IV Pemimpin kedua-dua buah negara itu memperihalkan peranan masing-masing.

A I dan II                      C II dan IV

B I dan III                     D III dan IV

46. Yang manakah ayat yang menggunakan kata sendi „di antara“ dengan betul?

A Di antara dia dengan adiknya, adiknya lebih bergaya.

B Jarak di antara rumahnya dengan sekolah hanya sepelaung.

C Ada di antara mereka berasa tidak puas hati dengan keputusan itu.

D Masih banyak di antara penduduk kampung itu yang belum celik computer.

47. Ayat yang manakah yang mengandungi perkataan yang menggunakan kata klitik dengan betul? I Kaudatang dengan siapa semalam?

Akan kucuba mengatasi masalah itu.

III Aku berdoa kepadaNya agar aku berjaya.

IV Segala budimu tidak mungkin ku lupakan.

A I dan II                      C II dan IV

B I dan III                     D III dan IV

48. Penggunaan kata sendi nama yang berikut adalah betul, **kecuali**

49. Kambing diikat ke tiang

II Ahmad keluar kelas sejak tadi

III Berjumpa lagi di masa hadapan

IV Moga bahagia hingga ke anak cucu

**A** I dan II

**C** II dan IV

**B** I dan III

**D** III dan IV

50. Perkataan yang manakah yang dapat menerima sisipan?

51. Sera

k II

Kejang

52. Ganggang

IV Gabus

**A** I dan II

**C** II dan IV

**B** I dan III

**D** III dan IV

## 2.5 Tanda Baca

Tanda baca penting untuk membantu kita memahami ayat dan menimbulkan kejelasan dan ketepatan makna dalam ayat tersebut. Yang berikut ialah jenis-jenis tanda baca serta penggunaannya dalam penulisan bahasa Melayu.

<b>Tanda baca</b>	<b>Fungsi</b>	<b>Contoh penggunaannya</b>
Huruf besar	menandakan permulaan ayat	Merah tanda berani.
	menulis nama khas	Sandakan, Syafiq, Kedai Ah Ming
Tanda titik atau noktah (.)	Menandakan berakhirnya sesuatu ayat sama ada ayat penyata atau perintah.	<sup>^</sup> Rumahnya tidak jauh dari sini. <sup>^</sup> Menangislah sekuat-kuat hati kamu.
	Menandakan sesuatu perkataan telah mengalami penyingkatan	<sup>^</sup> Dr. <sup>^</sup> Sdn. Bhd. <sup>^</sup> kpd.
	Menunjukkan tanda perpuluhan	8.1
	Memisahkan nilai sen daripada nilai ringgit	RM250.35
	Menulis tarikh	27.05.2007
Tanda soal (?)	digunakan pada akhir ayat tanya	Siapakah nama awak?
	Digunakan dalam ragam bahasa ingkar	Bukankah kemajuan itu menghalang kita daripada jumud?
Tanda seru (!)	Digunakan pada akhir ayat seruan	Wah, cantiknya rumah ini!
	Digunakan pada akhir ayat perintah (ayat suruhan, permintaan, larangan, dan silaan	Keluar!

	Digunakan pada akhir ayat tanya yang bersifat keluhan, iaitu tidak memerlukan jawapan dan ditujukan kepada diri sendiri	Mengapakah nasib malang selalu menimpa diriku!
	Sebagai penekanan atau penegasan	Tawaran istimewa hanya diberikan pada hari ini sahaja!
Tanda koma (,)	Menandakan pengguguran sesuatu unsur dalam ayat	Ayah suka menontot rancangan berita, ibu pula, drama bersiri.
	Menggantikan kata hubunga gabungan yang telah digugurkan	Sabrina, Izzati, dan Eryna sedang membaca buku cerita.
	Digunakan selepas penanda wacana	Oleh itu, kita perlu bekerjasama menangani masalah ini.
	Digunakan selepas frasa atau klausa keterangan yang mendahului ayat induk.	Sejak kecil lagi, kami bersahabat baik.
	Memisahkan kata sapaan atau rujukan langsung dalam ayat berbentuk cakap ajuk.	“Ojah, buatkan saya kopi,” kata Puan Wani.

Tanda baca	Fungsi	Contoh penggunaannya
	Memisahkan bahagian-bahagian yang bertentangan maksudnya dalam sesuatu ayat	Saya menyuruh kamu membuat latihan, bukan berbuat bising.
	Memisahkan tempat atau bulan daripada tahun	<sup>^</sup> Dia berasal Miri, Sarawak. <sup>^</sup> 3 Januari, 2010
	Digunakan sebelum atau selepas menulis cakap ajuk.	Katanya, "Saya akan datang esok."
	Digunakan selepas nama orang yang diikuti kelulusan atau anugerah yang dimilikinya	<sup>^</sup> Abdullah, MA, PhD (Universiti Malaya) <sup>^</sup> Ismail Hussin, AMN
	Menunjukkan angka ribu dan juta	<sup>^</sup> 50,000 <sup>^</sup> 7,800,300
	Memisahkan kata tanya yang mengikuti ayat penyata	Dia anak awak, bukan?
	Menyelitikan unsur tambahan	Puan Maisara, Pengetua sekolah itu, menyampaikan ucapan.
	Menandakan contoh	Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, seperti Melayu, Cina, dan India.
Koma bertitik (;)	Sebagai unsur kaitan antara dua ayat	Di laman rumah, ibu menyiram bunga; ayah mencuci kereta.
titik bertindih (:)	Menunjukkan keterangan tambahan	Saya perlu membeli barang-barang tersebut: buku, pensil, dan warna.
	Menunjukkan kadar atau nisbah	04:02:00 AM
	Menunjukkan masa	1:00 petang

	Menulis kata bual berbentuk dialog	Ibu : Bila awak mula bersekolah? Farhan : Minggu depan.
Tanda sempang (-)	Menulis kata ganda	Kuih-muih, bergulung-gulung
	Menjelaskan kata dan ungkapan	^ Ber-evolusi ^ be-revolusi
	Merangkaikan huruf besar dengan huruf kecil	Anti-Amerika, hamba-Mu
	Merangkaikan <i>ke</i> dengan nombor ordinal	ke-100
	Merangkaikan tahun dengan akhiran <i>-an</i>	1990-an
	Menyatakan hubungan antara kata pada rangkai kata setara tertentu atau pada kata istilah	Geseran gii-gusi bersuara
	Menyambung suku kata yang terpisah kerana penggantian baris	Dia amat memer- lukan bantuan.
	Menandakan penulisan transliterasi huruf Arab-Rumi	Al-Quran

Tanda baca	Fungsi	Contoh penggunaannya
Tanda kurungan ( )	Mengapit keterangan lanjut tentang sesuatu yang telah disebutkan sebelumnya	Pendatang-pendatang tanpa izin (kebanyakannya dari Indonesia) diseru supaya pulang ke negara mereka.
	Mengapit keterangan atau penjelasan sumber bahan	Abdullah Hassan (1990) menyatakan bahawa bahasa itu indah.
Tanda petikan (“ ”)	Mengapit cakap ajuk	“Siapkan kerja sekolah kamu,” Kata Cikgu Then kepada murid-muridnya
	Menonjolkan sesuatu kata atau frasa tertentu dalam ayat	Para remajahariinisuka menggunakan kata “cun”.
	Mengapit judul sesuatu seperti buku, filem, novel, sajak, dan lagu	Sajak “Gadis Kecil” itu ditulis oleh Usman Awang.
	Mengapit kata pinjaman	Kini sudah ada tetikus atau “ <i>mouse</i> ” yang pelbagai bentuk
Tiga titik (...)	Menunjukkan petikan yang tidak lengkap atau bahagian yang digugurkan	Oleh itu, kami berharap agar...





## **BAHAGIAN B**

### **PEMBACAAN KRITIS DAN ANALITIS**

#### **Bahagian B**

(30 markah)

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.*

Seperti kebanyakan daripada penduduk di negara membangun, sebahagian besar rakyat Malaysia enggan bercakap banyak tentang isu perlindungan alam sekitar. Kebanyakan rakyat negara ini *hanya menganggukkan kepala dan bising-bising sikit* apabila pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membangkitkan soal alam sekitar.

Rakyat negara ini belum pernah mengalami sungai bertukar menjadi lautan api seperti yang berlaku di Sungai Ohio pada tahun 1960-an kerana sungai tersebut terlalu teruk tercemar dengan bahan mudah terbakar. Rakyat negara ini juga tidak pernah mengalami hujan asid seperti yang berlaku di beberapa buah negara Scandinavia pada tahun 1980-an. Hakikatnya, semua ini tidak mustahil berlaku di negara ini. Mungkin banyak pihak berasa selesa dengan statistik yang sering kali disebut iaitu 60 peratus daripada muka bumi Malaysia masih diliputi hutan hijau. Sebenarnya, angka tersebut mengelirukan kita kerana separuh daripada angka yang disebutkan itu merupakan kawasan ladang dan selebihnya ialah tanah yang terlalu curam dan berbahaya untuk dieksploitasi.

Kini, negara ini mempunyai terlalu sedikit hutan tanah rendah kerana kebanyakannya ditebang dan dimusnahkan untuk aktiviti pembalakan atau pembangunan. Keadaan ini mengakibatkan peningkatan suhu, hakisan tanah, banjir kilat, dan kekurangan bekalan air bersih. Kebanyakan negeri yang mengalami masalah kekurangan air biasanya terdiri daripada negeri yang kebanyakan hutannya diteroka. Oleh sebab itu, semua negeri di Pantai Timur Semenanjung jarang-jarang mengalami masalah kekurangan air.

Isu ini sebenarnya sudah dibangkitkan dahulu dan banyak janji daripada pelbagai pihak telah dibuat untuk membetulkan keadaan. Konflik utamanya ialah pembangunan perlu diteruskan demi kepentingan bersama. Persoalannya, bagaimanakah untuk menyeimbangkan pembangunan fizikal dengan tanggungjawab memelihara alam sekitar? Hal ini membawa banyak perjanjian antarabangsa seperti Deklarasi Rio dan Protokol Kyoto tetapi sehingga kini tidak banyak negara yang berjaya mencapai matlamat yang digariskan.

Terdapat beberapa faktor tertentu yang menyebabkan kebanyakan negara gagal mencapai matlamat itu. Antaranya, *gesaan untuk memaksimumkan keuntungan dalam jangka masa pendek*. Kebanyakan orang berfikir bahawa apa-apa yang berlaku pada masa 100 tahun lagi sudah tidak bermakna kerana mereka sudah tiada. Walaupun kenyataan itu ada kebenarannya, bumi ini bakal diwarisi oleh generasi seterusnya untuk meneruskan kehidupan. Jika hanya keuntungan jangka masa pendek yang diutamakan, generasi seterusnya bakal menghuni bumi yang tenat dan hampir mati!

(Disesuaikan daripada *Dewan Masyarakat*, Julai 2007)

1 Jelaskan maksud frasa

(a) ...*hanya mengganggu kepala dan bising-bising sikit* (baris 3) [2]

(b) ...*gesaan untuk memaksimumkan keuntungan dalam jangka masa pendek* (baris 27) [2]

53. Apakah mesej yang mahu disampaikan oleh penulis melalui petikan di atas? (baris 30,31, dan 32) [6]

54.

*Jika hanya keuntungan jangka masa pendek yang diutamakan, generasi seterusnya bakal menghuni bumi yang tenat dan hampir mati!*

Berikan ulasan anda tentang pendapat ini dengan mengemukakan bukti-bukti yang sesuai.

Panjang jawapan anda hendaklah tidak lebih daripada 150 patah perkataan [20]



*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.*

Sejak tahun 2000, saman yang membabitkan kecuaiian perubatan dan aduan yang dilaporkan media semakin meningkat. Walaupun terdapat laporan dan paparan yang dikeluarkan media yang pasti untuk menganggarkan jumlah sebenar kes kesilapan pembedahan adalah masih samar.

Berdasarkan statistik terbaharu tentang pendaftaran masuk pesakit ke hospital di negara ini oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang menganggarkan kira-kira 2 700 sehingga 6 000 rakyat Malaysia meninggal dunia akibat kesilapan perubatan setiap tahun. Sehubungan dengan itu, kesilapan dan kecuaiian semasa pembedahan boleh menjadi antara punca atau pembunuh nombor dua di Malaysia selepas penyakit jantung.

Di Malaysia, dianggarkan ribuan kematian berlaku akibat kesilapan ketika pembedahan. Bagi setiap satu kes kecuaiian perubatan dilaporkan, 10 kes seumpamanya tidak dilaporkan. Oleh itu, boleh disimpulkan secara kasar kesilapan pembedahan di Malaysia berada di tangga kedua. Insiden ini boleh mengorbankan lebih banyak mangsa berbanding dengan kematian akibat serangan kanser, kencing manis, dan kemalangan jalan raya.

Melihat pada anggaran kematian, ia mungkin ada kaitan dengan sikap pesakit yang kurang berpengetahuan mengenai penyakit dan mengetahui hak yang sepatutnya diperoleh oleh mereka sebaik sahaja melangkah ke pusat perubatan untuk mendapatkan rawatan. Kes seumpama ini berlaku ada kaitan dengan pesakit yang terlalu percaya kepada doktor tanpa bertanya tentang risiko yang akan dihadapinya sama ada sebelum atau sewaktu menerima rawatan. Apabila berlaku kematian, mereka lebih reda dan menganggap semuanya suratan takdir. Fenomena ini menunjukkan ramai orang yang tidak mengambil inisiatif untuk mengetahui hak mereka sebagai pesakit. Mereka tidak mengetahui cara yang terbaik untuk mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan.

Doktor sememangnya mempunyai pelbagai maklumat dan pengetahuan yang tinggi untuk merawat pesakit. Namun begitu, yang menjadi persoalan adalah dari segi peluang masa yang ada pada

seseorang doktor untuk berkongsi ilmu mereka dengan pesakit . Masa doktor amat terhad untuk bersama dengan pesakit, menerangkan kondisi dan berkongsi ilmu agar pesakit lebih jelas tentang penyakit dan risiko yang akan dihadapinya . Dilaporkan bahawa doktor *on-call* bekerja antara 32 hingga 33 jam dengan jumlah pesakit yang ramai. Budaya kerja yang membebankan seumpama ini menyebabkan ramai doktor keletihan bekerja sedangkan mereka memerlukan rehat yang secukupnya agar risiko kesilapan ketika pembedahan dan merawat pesakit dapat dielakkan.

( Disesuaikan daripada “*Silap Bedah: Pembunuh Nombor 2 Di Malaysia*”  
oleh Noor Hidayah Shafiee, **iSihat**, April 2012,m.s 12 – 13)

**1** Nyatakan dua mesej yang ingin disampaikan oleh penulis [4]

**55.** Huraikan tiga pandangan penulis tentang punca berlakunya kesilapan ketika pembedahan yang menyebabkan kematian pesakit. [6]

**56.** Di Malaysia, dianggarkan ribuan kematian berlaku akibat kesilapan ketika pembedahan

Cadangkan langkah-langkah yang berkesan untuk mengelakkan gejala kesilapan ketika pembedahan yang boleh membawa maut kepada pesakit. Panjang jawapan anda hendaklah tidak lebih daripada 150 patah perkataan. [20]





## **BAHAGIAN C**

### **PENULISAN KARANGAN STPM**

#### **Soalan esei: (Bidang bahasa)**

57. Dalam memartabatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu, kerajaan telah memperkenalkan dasar „Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)“. Bincangkan langkah-langkah untuk menjayakan dasar tersebut.

#### **Rangka Jawapan**

##### **Pendahuluan**

58. Definisi „Memartabatkan Bahasa Malaysia“ - meletakkan Bahasa Malaysia pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan mengikut perlembagaan Malaysia (perkara 152)

59. Definisi „Memperkukuh Bahasa Inggeris“ – memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu pada peringkat nasional dan antarabangsa

60. Langkah-langkah yang proaktif perlu untuk menjayakan dasar tersebut

##### **Isi-isi (langkah-langkah)**

Isi 1 Penggunaan Bahasa Malaysia standard merentas kurikulum- Bahasa Malaysia diguna pakai semasa proses P&P dalam semua mata pelajaran

Isi 2 Program bacaan seperti KOMSAS dan NILAM diteruskan dan beberapa penambahbaikan dilakukansupaya pembacaan bahan sastera ditingkatkan

- Isi 3 Guru Bahasa Malaysia yang berkualiti perlu ditambah melalui pengubahsuaian kurikulum di peringkat IPT/IPG
- Isi 4 Menjadikan keputusan Bahasa Malaysia (yang mendapat kepujian) sebagai kelayakan untuk mengikuti pengajian di universiti.
- Isi 5 Penambahan masa P&P Bahasa Inggeris di sekolah menengah dan sekolah rendah. Cth- Sekolah rendah ditambah menjadi 90 minit, sekolah menengah ditambah menjadi 80 minit
- Isi 6 Transformasi kurikulum Bahasa Inggeris di sekolah rendah dengan menitikberatkan penguasaan literasi asas dan pengukuhan Bahasa Inggeris melalui pendekatan modular
- Isi 7 Mewujudkan pembelajaran yang kondusif – memastikan saiz kelas, keadaan fizikal bilik darjah dan sekolah lebih kondusif untuk P&P
- Isi 8 Perkongsian dan jaringan guru bagi membina sinergi dalam kalangan guru untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang P&P yang terkini dan berkesan.

## **Kesimpulan**

61. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam menjayakan dasar tersebut
62. Mengkaji/membuat penilaian dari semasa ke semasa untuk melihat keberkesanan dasar tersebut
63. Dasar ini diharap dapat melahirkan rakyat yang berkebolehan untuk berbahasa dengan baik dan berbangga apabila bertutur dalam Bahasa Malaysia

## **Bidang Pendidikan**

64. Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia memasukkan komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi para pelajar tingkatan satu hingga lima boleh memberikan kesan yang positif kepada pelajar. Jelaskan pernyataan ini.

## **Rangka Jawapan**

### **Pendahuluan**

Sejak lebih sedekad yang lalu, Kementerian Pelajaran telah memasukkan kesusteraan sebagai satu komponen dalam mat pelajaran bahasa Melayu. Pada hakikatnya, hal ini memang ada manfaatnya.

### **Isi-isi (Kesan-kesan)**

65. Membolehkan pelajar meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam pelbagai aspek, misalnya aspek kosa kata, tatabahasa, pemahaman, dan aspek estetik. Hal ini demikian kerana penggunaan bahasa dalam karya merupakan penggunaan bahasa konteks yang sebenar.
66. Menambah minat dan kecenderungan mereka terhadap karya sastera tanah air dan dengan itu mereka dapat menghayati dan menghargai karya seni.

67. Meningkatkan kemahiran mengimajinasi, menginterpretasi, dan menilai sesuatu karya seni sastra. Dengan kata lain, kebolehan dalam bidang kritikan sastra dapat ditingkatkan dalam kalangan pelajar.
68. Menyemai minat untuk menghasilkan karya seni sastra. Mereka yang berbakat dapat dibimbing untuk menggunakan bahasa secara kreatif dan dengan itu bakat mereka dapat diperkembang, justeru mereka berpotensi untuk menjadi karyawan sastra tanah air yang terkenal.
69. Menyemai nilai akhlak yang murni dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat diterapkan melalui pemilihan karya sastra yang memaparkan watak-watak yang boleh dijadikan idola oleh mereka.
70. Memperkenalkan penulis-penulis tanah air yang terkenal dalam bidang atau genre penulisan masing-masing.

71. Mewujudkan perkembangan yang seimbang dalam diri pelajar kerana karya seni dapat memenuhi keperluan rohani, emosi, dan sahsiah seseorang. Keperluan untuk perkembangan individu yang lain, seperti jasmani dan intelek dapat dipenuhi oleh mata pelajaran lain.

## **Kesimpulan**

Banyak manfaat yang dapat diperoleh oleh pelajar daripada KOMSAS. Oleh itu, langkah memasukkan komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa patut diteruskan dan kaedah pengajarannya dalam bilik darjah harus dipastikan keberkesanannya.

## **CONTOH KARANGAN LENGKAP**

### **KARANGAN STPM 1**

#### **Isu bahasa, seni, budaya, dan sastera**

#### **Soalan**

Filem merupakan salah satu elemen seni budaya yang diminati ramai. Huraikan peranan filem dalam masyarakat.

Filem merupakan salah satu elemen seni budaya yang diminati ramai iaitu sama ada golongan dewasa mahupun kanak-kanak. Kewujudan filem pada hari ini memberikan impak yang sangat besar dalam dunia perfileman. Hal ini boleh dilihat apabila banyak karyawan filem berusaha untuk menghasilkan filem yang berkualiti bagi menarik minat banyak golongan penggemar filem. Hal ini

terbukti dengan karya yang telah dihasilkan dalam pelbagai bentuk filem seperti filem seram, komedi, cinta, fantasi, kehidupan dan sebagainya. Filem juga memainkan peranan yang penting terhadap masyarakat dan sepatutnya mereka memanfaatkan peluang keemasan itu dengan sebaik-baiknya.

Elemen yang sangat mempengaruhi para karyawan menghasilkan sesuatu filem adalah sebagai alat hiburan terhadap golongan masyarakat. Pelbagai masalah yang menerjah fikiran banyak golongan boleh ditenangkan melalui filem yang sarat dengan pelbagai unsur terutamanya unsur komedi yang boleh mengurangkan tekanan pada akal fikiran mereka. Masyarakat masih boleh berhibur walaupun ada pandangan yang mengatakan perbuatan tersebut membuang masa sahaja. Kita memerlukan

elemen filem yang sedemikian bagi mengelakkan diri kita daripada terbeban oleh tugas seharian. 61

Oleh itu, seseorang itu perlu memerlukan hiburan seperti filem agar mereka tidak terkongkong dalam satu cabang kehidupan sahaja.

Filem juga penting sebagai medium bagi memberi nasihat dan pengajaran terhadap golongan masyarakat. Sekiranya tiada unsur perfileman, sudah tentu sukar untuk kita memupuk nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian kita. Tidak semua filem yang diketengahkan kepada masyarakat hanya hiburan semata-mata. Hal ini boleh dilihat apabila ada filem yang mengetengahkan nilai-nilai murni yang menasihatkan masyarakat mengikuti amalan sedemikian. Ada filem yang memaparkan kejahatan seseorang itu tentang sesuatu perkara yang menyarankan masyarakat untuk mengelakkan diri daripada menjadi sedemikian. Oleh itu, filem sebegini sentiasa menasihatkan masyarakat tentang pentingnya pengajaran yang dipaparkan supaya yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan.

Kehidupan masyarakat pada hari ini ada pelbagai jenis dan kadangkala sukar untuk dicapai oleh akal. Melalui filem, mudah untuk masyarakat mengetahui situasi sebenar yang berlaku di dalam dunia hari ini. Kebanyakan filem yang dipaparkan berkisar tentang kehidupan dunia hari ini dan kita boleh mengetahui hakikat kehidupan sebenar seperti yang diimpikan oleh semua orang. Hal ini boleh dilihat apabila terdapat golongan yang hidup dalam kemewahan dan kesenangan tetapi hakikatnya jiwa mereka mengalami kekusutan yang berpanjangan. Sebagai contohnya, golongan selebriti yang indah khabar daripada rupa yang berlagak profesional di hadapan kamera tetapi kehidupan sebenar mereka tidak seindah seperti dalam filem. Oleh itu, melalui filem, kita akan berfikir dua kali untuk mengagumi mereka kerana kehidupan mereka penuh dengan ranjau yang perlu ditempuh.

Hubungan kekeluargaan juga boleh dipererat dengan adanya karya dalam bidang perfileman ini. Perkara ini boleh didapati apabila banyak golongan masyarakat pada zaman sekarang yang sentiasa sibuk dengan kerjaya seharian mereka. Dengan adanya karya perfileman ini, ibu bapa boleh membawa anak-anak mereka terutamanya pada hujung minggu untuk ke pawagam bagi menonton filem. Sudah tentu anak-anak pula akan berasa seronok serta berasa tidak terabai kerana ibu bapa mereka prihatin terhadap diri mereka dan meluangkan masa bersama-sama dengan keluarga. Memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak faedah yang diperolehi dengan menonton filem bersama-sama dengan keluarga.

Arena perfileman ini bukan sahaja berperanan terhadap golongan masyarakat yang menggemari filem itu sahaja malah filem juga memberikan kepentingan terhadap masyarakat. Perkara ini boleh

dilihat apabila sektor pekerjaan juga boleh terisi melalui dunia perfileman ini. Banyak golongan 62



yang diperlukan bagi menghasilkan sesuatu filem dengan jayanya, bukan sahaja daripada golongan yang ada di hadapan kamera tetapi juga daripada golongan di belakang tabir yang bertanggungjawab untuk menggerakkan pembikinan sesuatu filem itu. Apabila industri perfileman memerlukan tenaga kerja, masalah pengangguran dalam kalangan masyarakat akan dapat dikurangkan. Seterusnya industri perfileman dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat apabila adanya kerjaya dalam bidang perfileman.

Kesimpulannya, filem merupakan aspek yang diperlukan dalam masyarakat pada hari ini. Walaupun masyarakat beranggapan buruk terhadap sesetengah filem, tetapi karya itu sebenarnya memberikan pengajaran terhadap masyarakat. Jika masyarakat hanya tahu mengkritik karya yang dihasilkan itu tanpa mengetahui motif sebenar sesuatu filem itu, dunia perfileman sukar untuk berkembang. Seharusnya masyarakat berfikir positif agar pengeluar filem menghasilkan karya yang lebih banyak dan barangkali lebih berkualiti untuk memajukan industri ini. Oleh itu, filem yang dihasilkan tidak harus dibiarkan begitu sahaja dan pengeluar filem haruslah menghasilkan karya yang benar-benar berkualiti.

(650 patah perkataan)

